

## FATWA BERHUBUNG WASIAT WAJIBAH DAN KESERAGAMAN PERUNTUKANNYA DALAM FATWA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

### FATWA ON WAJIBAH WILL AND UNIFORMITY OF PROVISION IN THE MALAYSIAN STATES FATWA

Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni<sup>i</sup> & Jasni Sulong<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Calon Sarjana Sastera (Pengajian Islam), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.  
fathasni90@gmail.com

<sup>ii</sup> Professor Madya, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.  
Malaysia. jasni@usm.my

---

#### Abstrak

*Dalam Syariat Islam, terdapat konsep ketetapan (thabat) yang mana nasnya tidak boleh diubah dan terdapat juga konsep umum (mujmal) yang mana nasnya umum dan menerima beberapa tafsiran. Berdasarkan konsep umum ini, perbezaan fatwa diterima dan dirajihkan dengan disesuaikan berdasarkan masalah semasa. Termasuk dalam hal ini adalah mengenai wasiat wajibah yang telah diamalkan melalui kodifikasi Undang-undang Mesir pada tahun 1946 serta diikuti oleh beberapa negara Islam selepasnya. Sebenarnya, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai keharusan wasiat wajibah di mana terdapat negara yang menerima pembaharuannya dalam undang-undang wasiat dan demikian sebaliknya dalam usaha menjaga kebajikan waris yang ditinggalkan. Berasaskan perkembangan ini, kajian dilakukan ke atas fatwa yang diputuskan oleh setiap Jabatan Mufti Negeri di Malaysia mengenai wasiat wajibah. Penyelidikan ini dilakukan secara kualitatif dengan merujuk kepada perbahasan kitab-kitab fiqh, peruntukan undang-undang, keputusan fatwa, temubual dan pekeliling yang berkaitan. Kajian mendapati wasiat wajibah turut diterima dan diamalkan di Malaysia melalui penggubalan Enakmen Wasiat Orang Islam dan juga fatwa-fatwa rasmi. Bagaimanapun amalan dan fatwa di Malaysia hanya mengiktiraf penerima wasiat wajibah daripada waris yang sah sahaja, dan menolak waris dhu arham. Matlamat pelaksanaan wasiat wajibah sangatlah baik dari sudut syarak serta dapat memenuhi objektif (maqsad) untuk memastikan kebajikan waris keturunan akan terus dipelihara. Bagi negeri yang belum menggubal Enakmen mengenai wasiat, penggubalan hendaklah disegerakan bagi memastikan tujuan ini tercapai.*

Kata kunci: *Wasiat, penyeragaman, kodifikasi, undang-undang, pusaka.*

---

#### Abstract

*In Islam, there is a concept of fixation (thabat) where the verse cannot be changed and there is also a general concept (mujmal) which the verse is general and given several interpretations. Based on this general concept, the fatwa variance was accepted and proportionately given the right opinion based on the current public interest (masalah). One of this is wajibah will which has been practiced through the codification of the laws of Egypt in 1946 and was followed by a number of Muslim countries thereafter. Actually, there are differences of opinion among jurists regarding the permissibility of wajibah will where there are countries that accept the reform in the law of wills and vice versa in order to safeguard the welfare of the deceased heirs. Based on these developments, the study was conducted on the fatwa decided by each State Mufti Department in Malaysia about wajibah will. This research was conducted qualitatively by reference to the debate on the books of jurisprudence, the provisions of the law, fatwa, interviews and related papers. The study found that wajibah will also be accepted and practiced in Malaysia through the drafting of the Muslim Wills Enactment and also official fatwas. However, the practice and fatwa in Malaysia only recognize the wajibah will recipient from the authentic heir only, and deny dhu arham heir. The goal of the wajibah will implementation is very good from the legislation aspect and*

*capable to meet the objective (maqsd) to ensure the welfare of the descendants will continue to be maintained. For states that have not enacted the Will Enactment, the drafting must be speeded up to ensure that this goal is achieved.*

Keywords: *Will, standardization, codification, law, inheritance.*

---

## PENDAHULUAN

Wasiat *wajibah* atau wasiat *qanuniyyah* adalah wasiat yang diperuntukkan di bawah undang-undang atau melalui kuat kuasa undang-undang. Wasiat *wajibah* dikuatkuasakan kepada cucu yang terhalang daripada mendapat harta pusaka datuk atau neneknya kerana bapanya meninggal dunia lebih awal atau serentak dengan datuk atau neneknya serta terdinding oleh bapa atau ibu saudara mereka. Justeru, harta peninggalan diberi kepada mereka dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai satu bentuk wasiat dan bukannya sebagai harta pusaka (al-Mufayshiy, 1996; al-Kurdiyy, 1998 & Manual Pengurusan Wasiat Islam, 2010).

Konsep wasiat *wajibah* ini pernah dilontarkan oleh Ibn Hazm (t.th) apabila membincangkan mengenai kebajikan waris yang kematian penghubung mereka terlebih awal. Bagaimanapun, pandangan ini hanya dijadikan sebagai peruntukan undang-undang pada tahun 1946 apabila ia dikodifikasikan di Mesir dan kemudiannya diikuti oleh beberapa negara Islam yang lain seperti Syria (1953), Maghribi (1957), Kuwait (1971), Yamen (1992) dan Tunisia (1957). Perbincangan mengenai wasiat *wajibah* ini amat penting demi untuk menjaga kebajikan waris keturunan yang ditinggalkan. Malah para sahabat seperti <sup>o</sup>Umar bin al-Khattab berjihad mengenai masalah <sup>o</sup>umariyyah atau *al-musharraqah* dalam harta pusaka kerana ingin menjaga *maslahat* waris (al-Khin, 2002).

Di Malaysia, sehingga ke hari ini tiada peruntukan khusus berhubung dengan wasiat *wajibah* kecuali di Selangor pada tahun 1999, Negeri Sembilan pada tahun 2004 dan Melaka pada tahun 2005. Sebagaimana peruntukan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 dalam Bahagian VIII, wasiat *wajibah* dikenakan kepada harta datuk untuk cucu yang kematian bapa terlebih awal dan tidak mendapat bahagian dalam pembahagian harta pusaka.

Namun disebabkan perbincangan mengenai wasiat *wajibah* ini bersifat fiqh kontemporari dan tidak semua fuqaha mempunyai pandangan yang sama mengenai pelaksanaannya, maka keadaan ini membawa kepada perbezaan amalan dan pemakaiannya termasuklah yang berlaku di Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan menyelidiki hujah-hujah yang dibawa oleh pihak-pihak yang berselisih, membawa pandangan yang paling *rajih*, negara-negara yang memperuntukkan masalah ini dalam undang-undang dan mencari jalan alternatif untuk menyeragamkan pendapat dalam masalah ini.

## KONSEP WASIAT WAJIBAH

Menurut Kamal Hamdi (1987), perkataan wasiat dari segi istilah fuqaha boleh dirumuskan sebagai, "*pemberian hak milikan yang berkuat kuasa selepas kematian sama ada perkara yang diwasiatkan itu berupa <sup>o</sup>ayn (corpus) atau manfaat (usufruct)*". Sementara Badran Abu al-<sup>o</sup>Aynayn Badran (1985) dalam kajiannya mendapati bahawa fuqaha memberikan takrifan yang pelbagai mengenai wasiat, bahkan kepelbagaian takrifan itu juga boleh didapati dalam mazhab yang sama. Walau bagaimanapun, definisi wasiat yang boleh dianggap lengkap menurut beliau ialah, "*janji tertentu yang khusus dan terlaksana selepas kematian pembuat janji*". Definisi ini merangkumi semua perkara yang diwasiatkan oleh seseorang selepas kematiannya, termasuklah melantik *wasiiyy* kepada anak-anaknya (dikenali sebagai *al-isa'* atau *al-wisayah*) (al-<sup>o</sup>Aynayn Badran, 1985). Justeru, konsep asal wasiat adalah pemberian semasa hidup dan ia berkuat kuasa selepas kematian.

Wasiat *wajibah* atau wasiat *qanuniyyah* ialah satu bentuk pembaharuan dalam masalah wasiat yang diwajibkan berdasarkan peruntukan undang-undang. Secara umumnya, wasiat *wajibah* ialah pembahagian sebahagian daripada harta peninggalan si mati kepada cucu yang kematian ibu atau bapa sebelum datuk atau nenek atau mereka mati serentak yang menyebabkan cucu tersebut tidak mendapat bahagian daripada harta pusaka datuk atau nenek mereka kerana dihalang (*mahjub*) oleh bapa atau ibu saudara. Dalam

situasi tersebut, undang-undang memberikan agihan harta peninggalan kepada cucu tersebut dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai wasiat (bukan secara pusaka). Tujuan peruntukan wasiat *wajibah* adalah bagi menjaga kebajikan cucu-cucu yang telah kematian bapa tersebut supaya mereka juga memperoleh bahagian daripada harta peninggalan datuk mereka (Abu Zahrah, t.th).

### **PANDANGAN PARA ULAMA BERHUBUNG ISU WASIAT WAJIBAH**

Konsep wasiat *wajibah* ini lahir daripada perbincangan para fuqaha klasik mengenai kewajipan menunaikan wasiat, iaitu sama ada menurut maksud umum pensyariaan wasiat dalam Islam atau meluaskannya sebagai satu metod menjaga kebajikan waris yang ditinggalkan selepas seseorang meninggal dunia. Dalam kedua-dua hal ini, pendekatan yang sangat penting adalah untuk merealisasikan *maslahah* semasa (Mahmood Zuhdi, 2007). Oleh itu, secara umumnya terdapat dua pendapat fuqaha mengenai masalah ini iaitu:

#### **Pandangan yang Menyokong Konsep Wasiat *Wajibah***

Pandangan yang menyokong pelaksanaan wasiat *wajibah* adalah berpegang kepada umumnya nas mengenai wasiat, iaitu berdasarkan firman Allah SWT:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Maksudnya, “Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah dia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa” (al-Quran. Al-Baqarah: 180).

Ayat ini bermaksud, Allah SWT memfardukan kepada orang-orang Islam yang hampir mati dengan sebab-sebab tertentu seperti sakit yang boleh membawa kematian untuk mewasiatkan hartanya kepada ibu bapa dan kaum kerabatnya yang terdekat dan yang berhajat. Selain itu, sebahagian para fuqaha berpandangan bahawa wasiat ini diberi kepada ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak dapat mewarisi harta si mati (al-Sa<sup>o</sup>diyy, 2002).

Menurut Ibnu Hazm, ayat ini mengkhususkan kepada sesiapa yang berhak mewarisi tetapi tidak dapat mewarisi kerana terlindung dengan para waris sebelumnya atau bukan waris. Dalam keadaan ini, waris tersebut boleh diberikan bahagian harta berdasarkan firman Allah SWT yang lain, iaitu:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ

Maksudnya, “Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya” (al-Quran. Al-Nisa’: 8).

Ayat ini bersifat *muhkam* dan tidak dimansuhkan menurut <sup>o</sup>Abd al-Rahman bin Abu Bakar (Ibn Hazm, t.th). Menurut al-Tabariyy dan Abu Bakr bin <sup>o</sup>Abd al-Aziz, wasiat wajib dilakukan kepada ahli waris yang terhalang daripada pusaka kerana halangan syarak seperti bukan beragama Islam dan waris *dhu arham* (Abdul Aziz, 1986 & Abdul Azis Dahlan, 1996).

Pandangan ini adalah merupakan pendapat Sa<sup>o</sup>d bin Abi Waqqas, Tawus, Qatadah, Jabir ibnu Zayd, Sa<sup>o</sup>id bin al-Musayyib, Hasan al-Basriyy, al-Tabariyy, Abu Bakr bin <sup>o</sup>Abd al-<sup>o</sup>Aziz, satu riwayat daripada Ahmad bin Hanbal, Dawud al-Zahiriyy, Ibnu Hazm al-Andalusiyy, Ibn <sup>o</sup>Abd al-Barr, Ahmad Ibrahim Bik, al-Qaradawiyy (<http://qaradawi.net/new/all-fatawa/4424-2011-12-12-09-37-46>) dan Badran Abu al-<sup>o</sup>Aynain yang menyatakan akan kewajipan menunaikan wasiat (Ibn Hazm, t.th; <sup>o</sup>Aliyy Dawud, 1977; al-<sup>o</sup>Ayniyy, 1990; Abdul Aziz, 1986; Ahmad Ibrahim Bik, 1999; Abdul Azis Dahlan, 1996; <sup>o</sup>Arif Abu, 2006 & al-Mawardiyy, 1994).

Walau bagaimanapun, hujahan dalil al-Quran bagi golongan ini dikritik kerana mempunyai perselisihan yang besar dengan pandangan sebahagian ahli tafsir. Ini kerana sebahagian ahli tafsir mengatakan yang ayat tersebut dimansuhkan dengan ayat-ayat mengenai *mirath* dan juga hadis Nabi SAW yang bermaksud, “tidak ada wasiat bagi waris”.

Abu Bakar al-Jaza'iriy semasa mentafsirkan ayat Q2: 180 ini menyatakan bahawa hukum yang ada dalam ayat tersebut telah dimansuhkan dengan ayat-ayat mengenai *mawarith*. Selain itu, hadis, "*tidak ada wasiat bagi waris*" (Hadis. al-Nasa'iyy. no. 3641) ditafsirkan sebagai wasiat hanya khusus kepada bukan waris sahaja dan hendaklah tidak melebihi daripada 1/3 harta pusaka (al-Jaza'iriy, 1990).

Namun sekiranya ingin diberikan lebih daripada 1/3 harta, ia diharuskan dengan syarat mendapat keizinan daripada semua ahli waris. Dalil keharusan wasiat adalah berdasarkan kepada hadis Sa'ad iaitu di mana Nabi SAW mengizinkan untuk melakukan wasiat dengan kadar 1/3 harta (Hadis. al-Bukhariyy. no. 4409).

Selain itu, pandangan menerima wasiat *wajibah* juga adalah disandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menggalakkan dilakukan wasiat kepada kaum kerabat iaitu Ibnu 'Umar meriwayatkan:

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ بَيْتٌ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ

Maksud, "*Tidaklah patut bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu harta yang hendak diwasiatkan, kemudian dibiarkan sehingga dua malam melainkan wasiatnya itu ada tertulis di sisinya*" (Hadis. Muslim. no. 2738).

Hadis ini menunjukkan tuntutan melakukan wasiat kepada setiap orang yang mempunyai harta. Justeru, setiap orang sangat digalakkan untuk melakukan wasiat dan orang yang paling layak untuk diwasiatkan ialah kerabat yang tidak layak mewarisi harta pusaka (Arif Abu A'yd, 2006).

Namun, hadis Ibnu 'Umar ini membawa maksud wajib sekiranya seseorang itu mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan sama ada berbentuk "hak Allah" seperti zakat dan haji yang mana dikhuatiri tidak dapat dipenuhi sekiranya tidak diwasiatkan kepada seseorang untuk menunaikannya. Demikian juga dengan "hak manusia" seperti harta *wad'iah* (harta amanah yang disimpan) dan hutang yang belum ditunaikan. Selain daripada hal-hal ini adalah disunatkan dan digalakkan untuk menulis wasiat.

Golongan ini juga berdalihkan kepada kaedah-kaedah syarak, iaitu para fuqaha menyandarkannya kepada kaedah *maslahah mursalah* bagi memberi kebajikan kepada sebahagian waris terdekat yang terhalang daripada harta pusaka (Ahmad Farraj & Muhammad Kamal, 2001). Ini kerana melalui pelaksanaan wasiat *wajibah*, akan membawa *maslahah* untuk anak-anak yang terlindung daripada mewarisi harta pusaka dan boleh mengelakkan mereka daripada dikenakan dengan dua kerosakan (mudarat) iaitu musibah anak yatim piatu dan musibah terlindung daripada mewarisi harta (Arif Abu A'yd, 2006).

Para fuqaha juga menjustifikasikan hal ini dengan memastikan kelangsungan hidup mereka daripada harta tanggungan yang ditinggalkan oleh pewaris terus diperolehi mereka (Amin Zaghlul, 2005). Menurut Ibn 'Abd al-Barr, tiada perselisihan dalam kalangan fuqaha untuk menjadikan wasiat kepada keluarga yang tidak menerima pusaka sekiranya miskin dan sangat memerlukan (al-'Auniyy, 1990).

Dibenarkan juga konsep wasiat *wajibah* ini berdasarkan kaedah *siyasah shar'iyah* bahawa pemerintah harus melakukan sesuatu perintah atau tindakan selagi ada kemaslahatan umum manusia (Abd al-'Azim, 1962). Sebagai contoh, harta orang murtad boleh dianggap sebagai harta rampasan perang dan boleh digunakan untuk perbelanjaan demi kepentingan orang Islam (Abdul Rashid, 1986). Maka perintah yang sama boleh dilaksanakan ke atas pewasiat yang tertinggal untuk melakukan wasiat.

### **Pandangan yang Tidak Menyokong Konsep Wasiat *Wajibah***

Pandangan yang menolak konsep wasiat *wajibah* adalah berpegang dengan pandangan bahawa hukum asal wasiat adalah sunat (*mandub*). Rentetan daripada hukum tersebut, maka tiada hak wasiat *wajibah* untuk cucu menurut ketetapan syarak, melainkan di atas ihsan waris berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ

Maksudnya, “Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya” (Al-Nisa’: 8).

Berdasarkan ayat tersebut, al-Qurtubiy (2006) berpandangan bahawa yang *sahih* bagi maksud “berikanlah” itu adalah disunatkan bukannya wajib. Pihak yang mengharuskan mendakwa bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar tersebut adalah bermaksud mewajibkan wasiat, sedangkan maksud yang dikehendaki pada hadis tersebut adalah harus (al-Shawkaniyy, 1993).

Golongan ini berpandangan bahawa pembahagian harta pusaka adalah ketetapan Allah SWT dan manusia tidak boleh mengatur sebaliknya. Dengan kata lain, hikmah pembahagian faraid adalah rahsia milik Allah dan tiada sesiapa pun yang boleh mengatasi dan mempertikaikannya. Malah ketika Nabi SAW wafat, baginda tidak melakukan wasiat, demikian juga para Sahabat. Tidak seorang pun dalam kalangan mereka yang berwasiat atau telah beramal dengan kaedah wasiat *wajibah* (‘Ayd, 2006). Selain itu, sabda Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

إن الله يوصيكم بالأقرب فالأقرب

Maksudnya, “Allah SWT menyuruh kamu berwasiat dengan kaum kerabat yang terdekat dan terdekat” (Hadis. Ahmad. No. 17187).

Menunjukkan wasiat hendaklah dilakukan dalam keadaan biasa, bukan melalui tindakan undang-undang. Sekiranya seorang cucu terhalang disebabkan wujud bersamanya anak si mati, maka cucu tersebut tertakluk kepada hukum faraid melainkan sekiranya cucu tersebut diberikan bahagian setelah dibenarkan oleh para waris yang lain (al-‘Ajuz, 1986).

Ini adalah pendapat majoriti fuqaha yang terdiri daripada Hanafiyyah (al-Humam, 2003; al-Sarakhsiyy, 1997; al-Rumiyy, t.th), Malikiyyah (al-‘Arabiyy al-Malikiyy, 2003; al-Bajiy, 1332H; al-‘Adawiyy, t.th), Shafi‘iyyah (al-Haytamiyy, 2001, al-Ansariyy, t.th), satu riwayat daripada kalangan Hanabilah (Qudamah, 1405H; Taymiyyah, 2005), al-Sha‘biyy (Qudamah, 1405H), al-Nakha‘iyy (Qudamah, 1405H, Ibn Hazm, t.th), al-Thawriyy (al-Bajiy, 1332H), al-Awza‘iyy (al-Bajiy, 1332H), Ibn al-Mundhir (al-Qurtubiy, 2006), Abu Thawr (al-San‘aniyy, 2006), Ibn ‘Abd al-Barr (1348H). Selain itu, para imam yang empat juga tidak mengatakan akan kewajipan wasiat, bahkan mengatakan yang ia adalah sunat (al-Zuhayliyy, 2001). Justeru, berwasiat adalah salah satu daripada amalan-amalan yang baik, maka amalan baik tersebut hukumnya sunat.

### **Pendapat yang Terkuat (*Rajih*)**

Berdasarkan pandangan daripada kedua-dua golongan di atas, ternyata bahawa para fuqaha meletakkan hukum yang berbeza mengenai wasiat berdasarkan situasi tertentu. Bagaimanapun dalam hal ini, keadaan para imam mazhab yang empat tidak melakukan wasiat *wajibah* pada zaman masing-masing tidak menunjukkan bahawa wasiat *wajibah* tidak dibenarkan. Ini kerana, dalam setiap zaman dan tempat ada situasi yang berbeza yang sesuai dengan *ijtihad*, *istinbat* dan *maslahat* (‘Arif Abu ‘Ayd, 2006). Justeru, hukum mengenai wasiat ini boleh menjadi sunat pada satu keadaan dan wajib pada keadaan yang lain ini hendaklah disesuaikan dengan zaman dan tempat. Malah pihak pemerintah mempunyai bidangkuasa untuk berjihad dan mengeluarkan fatwa tertentu mengenainya selari dengan kaedah “tidak mudarat dan tidak memudaratkan” (Hadis.al-Hakim. no. 2345).

Kaedah ada mengatakan “apabila bertemu dua kerosakan, maka utamakan yang paling ringan kerosakannya” (al-Tusuliyy, 1998). Justeru dalam hal ini, mudarat yang besar ialah halangan daripada mendapat harta *mirath* dan mudarat yang kecil ialah jumlah harta *mirath* yang didapati oleh ahli waris berkurangan. Jika diperhatikan, mudarat terhalang daripada harta *mirath* lebih besar berbanding mendapat harta *mirath* dengan jumlah yang kecil. Oleh itu, perlu diutamakan mudarat yang kecil iaitu mengurangkan jumlah harta *mirath* untuk diberikan harta kepada waris yang terhalang melalui wasiat *wajibah*.

Setelah meneliti dalil-dalil yang dikemukakan, pengkaji cenderung kepada pendapat yang mengharuskan wasiat *wajibah* kerana dalil-dalil yang dikemukakan oleh pihak yang mengharuskan adalah kuat, kecuali ayat al-Quran sebagaimana yang telah dibincangkan. Sandaran kepada kaedah-kaedah umum syariat untuk mencapai objektif keadilan dan penggunaan dalil *al-maslahah al-mursalah* adalah tepat. Penetapan yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk mensabitkan *maslahah* kepada waris adalah boleh diterima untuk mengelak daripada berlaku dua musibah kepada anak yatim iaitu kematian ibu atau bapanya dan terhalang daripada mendapat harta pusaka.

## UNDANG-UNDANG DAN FATWA MENGENAI WASIAT WAJIBAH DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Persoalan mengenai wasiat *wajibah* ini telah mendapat kedudukan yang berbeza dalam pentadbiran agama Islam di negara-negara Islam. Berdasarkan kepada data-data yang didapati, sebahagian besar negara dan pihak berkuasa agama negeri menerima konsep wasiat *wajibah* dan memperuntukannya dalam sebuah kod undang-undang atau fatwa rasmi masing-masing. Misalnya, negara Mesir adalah negara yang mula-mula menggubal Undang-Undang Sipil Mesir di bawah Akta 71 pada 24 Rejab 1365 Hijrah bersamaan 24 Jun 1946 iaitu selepas tiga tahun Undang-undang Pusaka dikanunkan dalam Akta 77 di bawah Undang-undang Mesir 1943 (Umar Abdullah, 1996).

Dengan wujudnya undang-undang tersebut, Mesir merupakan negara Islam pertama yang memperuntukkan undang-undang wasiat *wajibah* secara rasmi dan tersusun (Hisham Qublan, 1985). Peruntukan mengenai wasiat *wajibah* ini telah diikuti oleh negara-negara Islam yang lain seperti Kuwait (Perkara 192, 1971), Tunisia (Perkara 191-192, 1959), Pakistan (Fasal 4, 1961), Jordan (Perkara 61, 1976), Iraq (Perkara 188, 1959), UAE (Perkara 28, 2005), Yamen (Perkara 20, 1992), Jazair (Perkara 169, 2007), Palestine (Perkara 182, 1976), Maghribi (Perkara 269, 1957) dan Syria (Perkara 257 (1)(C), 1953).

Demikian juga fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh negara Jordan (<http://alifitaa.jo/Question.aspx?QuestionId=505#.VxxjSdR96M8>) dan Mesir.<sup>1</sup> Hasil daripada penggubalan undang-undang yang khusus ini telah menyebabkan penguatkuasaan undang-undang mengenai wasiat *wajibah* mempunyai rujukan yang khusus dan seragam untuk dilaksanakan terhadap seluruh rakyat Mesir sama ada Muslim atau bukan Muslim; dan yang menetap di dalam atau di luar Mesir dan sama ada pertikaian mengenainya dibawa ke Mahkamah Mesir atau Mahkamah di Luar Mesir (Badran, 1985).

Bagaimanapun dalam perkembangan di Malaysia, sehingga kini hanya Negeri Selangor (1999), Negeri Sembilan (2004)<sup>2</sup> dan Melaka (2005)<sup>3</sup> sahaja yang telah memperuntukkan undang-undang khusus mengenai wasiat orang Islam. Selangor merupakan negeri pertama di Malaysia yang memperuntukkan undang-undang wasiat *wajibah* menerusi Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, yang terkandung dalam Bahagian VIII, Seksyen 27 (1), (2) dan (3). Undang-undang tersebut menjelaskan secara terperinci tentang golongan yang berhak mendapat wasiat *wajibah* atau dikenali sebagai *ashab* wasiat *wajibah*, kadar wasiat *wajibah* dan syarat-syaratnya.

Walaupun begitu, peruntukan undang-undang tersebut tidak menyatakan dengan jelas mengenai aspek prosedur, sama ada benefisiari perlu membuat permohonan khusus berkaitan haknya dalam wasiat *wajibah* di Mahkamah Syariah atau cukup sekadar pihak berkaitan memasukkan hak mereka dalam pembahagian pusaka atau dalam pengeluaran sijil faraid. Pihak berkuasa agama mempunyai bidangkuasa untuk menggariskan kaedah-kaedah pembahagian berdasarkan Seksyen 29 dalam ketiga-tiga enakmen tersebut (Nasrul Hisyam, 2012)

Walaupun terdapat persamaan dalam peruntukan mengenai wasiat *wajibah* di negara-negara ini, namun secara lebih terperinci terdapat perbezaan dalam peruntukan

<sup>1</sup><http://www.daralifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=291&text=%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B5%D9%8A%D8%A9%20%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D8%AC%D8%A8%D8%A9&MoftiIds=> (diakses pada 22/3/2016).

<sup>2</sup> Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Bahagian VIII, Seksyen 27.

<sup>3</sup> Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, Bahagian VIII, Seksyen 27.

tersebut. Misalnya peruntukan wasiat *wajibah* di Maghribi, Syria dan Malaysia hanya menghadkan benefisiari wasiat *wajibah* ke atas cucu daripada anak lelaki sahaja, manakala peruntukan wasiat *wajibah* di Mesir, Kuwait dan Tunisia memperuntukkan kepada cucu daripada anak lelaki dan perempuan secara saksama. Perbezaan ini berlaku di Malaysia, berikutan kedudukan cucu daripada anak perempuan yang dianggap waris *fasid (dhu arham)* (Nasrul Hisyam, 2012). Sementara di Indonesia, konsep wasiat *wajibah* yang diamalkan adalah jauh berbeza dengan konsep yang diamalkan oleh kebanyakan negara Islam yang lain iaitu Kompilasi Hukum Islam (KHI) tahun 1991 memperuntukkan dalam Perkara 209 bahawa wasiat *wajibah* hanya diperuntukkan terhad kepada anak angkat dan ibu bapa angkat yang tidak menerima wasiat daripada pewaris sahaja (Destri Budi Nugraheni dll, 2010).

Manakala bagi negeri-negeri lain di Malaysia selain Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, rujukan ke atas penguatkuasaan wasiat hanya berdasarkan peruntukan am dalam Akta atau Enakmen pentadbiran undang-undang Islam atau Enakmen atau Ordinan Mahkamah Syariah masing-masing. Dengan demikian, orang Islam boleh ke Mahkamah Syariah untuk membuat tuntutan pengesahan wasiat atau menuntut hak wasiat *wajibah* melalui saman berserta dengan penyata tuntutan. Kes boleh difailkan sama ada di Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah mengikut nilai bidang kuasa mahkamah berkenaan. Pembuktian di Mahkamah Syariah sama seperti perbicaraan kes-kes yang lain sama ada melalui keterangan para saksi atau dokumen dan sebagainya yang boleh memuaskan hati Hakim Syarie untuk menentukan kesahihan sesuatu wasiat atau kelayakan seseorang waris.

Bagi negeri-negeri ini, prosiding mengenai wasiat dituntut berdasarkan peruntukan hukum syarak sepertimana yang dinyatakan dalam Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Negeri-negeri bahawa jika tidak ada apa-apa peruntukan khusus dalam perundangan ini, maka Mahkamah Syariah hendaklah menggunakan hukum syarak (Peruntukan Seksyen 245(2), Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004; Seksyen 264(2), Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 1991; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 2004; Seksyen 273(2), Enakmen Atur cara Mal Islam (Negeri Kedah) 1979; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001; Seksyen 245(2), Ordinan Tatacara Mal Syariah (Negeri Sarawak) 2001 dan Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004).

Walaupun negeri-negeri ini tiada statut khusus mengenai wasiat, penguatkuasaan hak mengenai wasiat *wajibah* masih boleh dituntut apabila terdapat negeri yang mengeluarkan fatwa yang mengesah dan menyokong wasiat *wajibah*. Misalnya keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam (MJFK),<sup>4</sup> Negeri Sembilan,<sup>5</sup> Johor,<sup>6</sup> Perak (Kamaruddin Adam, 2015), Pulau Pinang (Wan Salim Wan Mohd. Noor & Mohd Haniff Bin Omar, 2015), Wilayah Persekutuan (Zulkifli

<sup>4</sup> Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah> (Diakses pada 26/9/2015) Syarat-syaratnya boleh dilihat dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 2014, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bahagian Pengurusan Fatwa, hlm. 198.

<sup>5</sup> Tarikh Keputusan: 27 Aug, 2013, Status Pewartaan: Tidak Diwartakan, lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah>, (Diakses pada 26/9/2015).

<sup>6</sup> Tarikh Keputusan: 31 Jul, 2012, Status Pewartaan: Diwartakan, Tarikh Diwartakan: 30 Sep, 2012, Nombor Rujukan: [JMJ.351/04/01/6/31; PUNJ.N.700-1/20/1-31(2)], Akta/Enakmen: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (JOHOR) 2003 (Enakmen 16 Tahun 2003) Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6), <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/wasiat-wajibah>, (Diakses pada 26/9/2015).

Mohamad Al-Bakri, 2015), Selangor (Mat Jais Kamos, 2015), Terengganu (Zulkifly Muda, 2016) dan Kelantan (Mohamad Shukri Mohamad, 2016) mengenai wasiat *wajibah*. Fatwa-fatwa ini penting kerana ia sentiasa dijadikan rujukan oleh mahkamah-mahkamah Syariah. Bagi Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang telah mempunyai enakmen khusus mengenai wasiat orang Islam boleh mempercepatkan urusan Mahkamah Syariah negeri masing-masing kerana rujukan terus boleh dibuat kepada enakmen-enakmen berkenaan. Dalam pentadbiran wasiat di Malaysia, orang Islam perlu berurusan dengan dua sistem mahkamah berkaitan dengan wasiat; pertamanya melalui Mahkamah Syariah untuk menentukan kesahan sesuatu wasiat; kedua melalui Mahkamah Tinggi Sivil untuk mendapatkan surat pentadbiran dan probet.

Dalam perkembangan berkaitan wasiat *wajibah*, terdapat juga negara yang pada awalnya menerima wasiat *wajibah* tetapi kemudiannya memansuhkannya. Misalnya, Undang-Undang Keluarga Libya yang dipanggil *Majallat al-Ahwal al-Shakhsiyyah* (No. 12/2015). Pada awalnya Libya menerima konsep wasiat *wajibah* di mana ia diperuntukkan dalam Perkara 37 (No. 7, 1994), namun ia kemudiannya dibatalkan pada tahun 2015 dalam undang-undang keluarga nombor 12 tahun 2015.

Pemansuhan ini mendapat tentangan daripada pengamal undang-undang di negara tersebut seperti Jum'ah Mahmud al-Zurayqiyy yang merupakan bekas hakim mahkamah tinggi Libya dan Professor di salah sebuah universiti di Libya; dan °Abd al-Bari Turbul yang juga merupakan pengamal undang-undang di Libya (<http://www.libya-al-mostakbal.org/news/clicked/86330>). Malah konsep wasiat *wajibah* ini juga ditolak oleh Mufti Negara melalui fatwa rasmi negara Libya pada tahun 2013. Demikian juga Mufti Negara Saudi menolak konsep wasiat *wajibah* dan juga tidak diperuntukkan dalam undang-undang keluarga negara Saudi.<sup>7</sup> Di Malaysia, terdapat juga fatwa yang menolak konsep wasiat *wajibah* sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ([http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=423:wasiat-wajibah&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92](http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=423:wasiat-wajibah&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92)).

### LANGKAH PENYERAGAMAN FATWA MENGENAI WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat 14 buah negeri yang mempunyai kuasa eksekutif dalam menentukan undang-undang mengenai hal ehwal agama Islam yang diketuai oleh Raja atau Tuanku Sultan. Dengan kuasa eksekutif tersebut, masing-masing negeri berhak untuk menggubal undang-undang mengenai hal ehwal agama Islam. Kesannya telah menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam memutuskan fatwa dan penggubalan undang-undang dalam sesuatu isu di antara negeri-negeri.

Oleh itu, antara yang diperselisihkan antara negeri-negeri adalah berkaitan dengan isu wasiat *wajibah* di mana ada negeri yang memperuntukkan enakmen khusus mengenai wasiat *wajibah*, terdapat juga negeri yang mengeluarkan fatwa yang berbeza dengan negeri yang lain dan terdapat juga negeri yang tidak mengeluarkan apa-apa fatwa mengenai isu tersebut. Ini telah menyebabkan konflik berlaku dalam pentadbiran undang-undang syarak dan menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat. Ini kerana, antara objektif terbesar undang-undang dilaksanakan adalah untuk menyelesaikan masalah dan menjamin keadilan yang sama rata kepada semua pihak sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn °Ashur (2009).

Justeru, apabila berlaku tidak saksama penguatkuasaan undang-undang kepada para waris khususnya dan antara penduduk sebuah negeri dengan negeri yang lain, maka ia tidak mencapai objektif keadilan yang dituntut dalam Islam. Ia juga adalah tidak selari dengan tadbir urus yang baik. Justeru, usaha untuk penyelarasan ini adalah amat mustahak. Selain itu, usaha ini tidak berlawanan dengan konsep uruf kerana rata-ratanya uruf di Malaysia adalah sama (Irwan Mohd Subri, 2015).

<sup>7</sup><http://www.alifta.net/Search/ResultDetails.aspx?languagename=ar&lang=ar&view=result&fatwaNum=&FatwaNumID=&ID=6256&searchScope=3&SearchScopeLevels1=&SearchScopeLevels2=&highLight=1&SearchType=exact&SearchMoesar=false&bookID=&LeftVal=0&RightVal=0&simple=&SearchCriteria=allwords&PagePath=&siteSection=1&searchkeyword=216167217132217136216181217138216169032216167217132217136216167216172216168216169#firstKeywordFound> (diakses pada 22/3/2016).

Mengambil semangat kesepaduan ini, antara undang-undang yang diperuntukkan untuk mengawal keseragaman antara negeri-negeri adalah melalui tingkatan rujukan dalam mengeluarkan sesuatu hukum di mana negeri-negeri selain Perlis, Jawatankuasa Fatwa Negeri diperuntukkan dengan peruntukan keutamaan untuk membuat rujukan berdasarkan kepada *qawm muktamad* dalam mazhab Shafie.<sup>8</sup> Misalnya peruntukan Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah 2008, Seksyen 26 memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah Seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qawm muktamad* Mazhab Shafie berlandaskan Al-Quran, Hadis, Ijmak Ulama dan Qiyas.

Melainkan jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawm muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qawm muktamad* mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali setelah mendapat perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Demikian juga sekiranya Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawm muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hemat sendiri tanpa terikat dengan *qawm muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.<sup>9</sup>

Manakala Negeri Perlis memperuntukkan rujukan ini secara umum melalui rujukan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang berdasarkan kepentingan awam atau *maslahat* semasa. Rujukan ini adalah bersifat luas iaitu dalam skop pandangan-pandangan mazhab yang diiktiraf oleh *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang mana rata-ratanya mengguna pakai mazhab dalam lingkungan mazhab empat yang muktabar sebagaimana yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen negeri yang lain (Faisal, 2011). Ini ada dinyatakan secara rasmi dalam Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis 1964.<sup>10</sup>

Justeru, secara tersiratnya didapati bahawa sekiranya Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri menelusuri dengan baik terhadap semua peruntukan yang disediakan, maka apa yang perlu dilakukan ialah mentarjihkan mazhab berdasarkan kepada ukuran *maslahat*. Sekiranya sesuatu mazhab dalam lingkungan *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mendatangkan pendapat yang membawa manfaat terbesar terhadap masyarakat, maka pendapat tersebut yang dipilih. Oleh itu, dari segi peruntukan undang-undang yang sedia ada adalah tidak mustahil untuk berlaku penyeragaman dalam isu wasiat *wajibah* di samping majoriti negara-negara umat Islam mengguna pakai pandangan ini sebagai undang-undang, cuma ahli Jawatankuasa Fatwa perlu berperanan dengan sebaiknya.

Justeru, berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada, maka ahli Jawatankuasa Fatwa bertanggungjawab untuk menggunakan dua pendekatan *ijtihad* iaitu melakukan sorotan kepada semua mazhab khusus kepada *qawm muktamad* serta menganalisis kesemua dalil-dalil dan ulasan yang dikemukakan (*al-intiqā'īyy*), kemudian melakukan *ijtihad* baharu terhadap permasalahan baru bagi jawapan semasa (*al-inshā'īyy*) (Mahmood Zuhdi, 2007). Ini kerana, fatwa adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah baharu, sekiranya fatwa tersebut tidak menyelesaikan masalah yang timbul, maka ia tidak memenuhi tujuan fatwa (Qutb al-Raysuniyy, 2014).

Untuk memenuhi tujuan tersebut tidaklah sukar kerana jabatan-jabatan mufti mempunyai dana yang cukup yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan, mempunyai pusat sumber khusus yang mengandungi rujukan-rujukan induk, mempunyai ahli Jawatankuasa Fatwa, mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan antara jabatan-jabatan mufti negeri serta pegawai-pegawai yang berpendidikan tinggi dalam ilmu syarak selain memenuhi kursus-kursus penyelidikan secara berkala. Antara contoh mudah lain yang boleh dibuat juga adalah dengan mengenal pasti fatwa-fatwa dan undang-undang syarak yang telah dijalankan di negeri-negeri atau negara-negara Islam yang jauh lebih berpengalaman dalam satu-satu

<sup>8</sup> Sebagai contoh, seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka Bil. 7 Tahun 2002.

<sup>9</sup> Seksyen 26, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) No. 10 Tahun 2008. Lihat juga Seksyen 14, Enakmen Fatwa Negeri Sabah No. 7 Tahun 2004.

<sup>10</sup> Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis No. 3 Tahun 1964.

isu serta menilai antara pendapat-pendapat tersebut yang mana paling terbaik dan membawa *maslahah* terbesar kepada umat Islam.

Selain itu, apabila melibatkan institusi rasmi yang dikelola oleh kerajaan, maka mudah untuk membuat kerjasama dengan pihak-pihak yang juga di bawah kelolaan kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Mahkamah dan universiti tempatan. Justeru, apabila data-data sampingan daripada pihak-pihak bersekutu juga dimasukkan, maka ia boleh menghasilkan kesimpulan yang lebih menyeluruh tanpa dipengaruhi oleh sentimen-sentimen tertentu yang bersifat peribadi seperti mengutamakan mazhab Shafie walaupun pendapat tersebut adalah *marjuh* (tidak tepat) dalam isu wasiat *wajibah*.

Justeru, sekiranya kesemua inisiatif tersebut diambil sebaiknya, maka ia boleh menghasilkan penyeragaman dalam isu berkenaan *wasiat wajibah*. Selain itu, jabatan fatwa negeri berada di bawah kelolaan kerajaan negeri, maka seharusnya pihak kerajaan memainkan peranan yang sewajarnya dalam memenuhi kemaslahatan pihak waris. Ini kerana, menurut konsep *siyasah shar'iyah*, apabila sesuatu ketetapan hukum syarak diputuskan oleh penguasa (*waliyy al-amr*), maka ia wajib ditaati oleh semua yang berada di wilayahnya (Ibn Taymiyyah, 2005). Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengorak langkah agar penggubalan undang-undang khusus wasiat *wajibah* dapat dilaksanakan.

Manakala di peringkat Persekutuan, kerajaan amat bersetuju dengan langkah-langkah penyeragaman dalam pentadbiran agama Islam di negeri-negeri. Berdasarkan hal ini telah dipertanggungjawabkan kepada JAKIM untuk berperanan sebagai penyelaras dalam isu-isu undang-undang Islam dan kefatwaan. Oleh itu, antara peranan JAKIM adalah untuk menyelaras dan melaksana arahan Majlis Raja-Raja mengenai urusan agama Islam melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bagi penyeragaman undang-undang Islam seluruh Malaysia.

Berasaskan tanggungjawab ini juga, JAKIM berbidangkuasa untuk menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri, misalnya dengan menubuhkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) yang terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Islam (MKI) di kalangan ahlinya, Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama Islam, lima orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan seorang ahli yang beragama Islam daripada perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja (<http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>). Ia berperanan sebagai medium untuk menyelaras dan menyeragamkan fatwa di negeri-negeri, namun bidangkuasanya adalah amat terhad.

Oleh itu, berdasarkan tanggungjawab ini, JAKIM telah memainkan peranan dengan baik dalam isu wasiat *wajibah* di mana telah mengeluarkan keputusan rasmi di peringkat Kebangsaan (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah>). Langkah yang dijalankan amat penting kerana isu wasiat *wajibah* adalah isu nasional di mana dipersetujui oleh kesemua negeri iaitu apabila melibatkan isu-isu nasional, maka ia perlu diselesaikan secara bersama iaitu melalui JAKIM sebagaimana diperuntukkan Enakmen Pentadbiran Negeri terhadap lapan negeri iaitu Perlis,<sup>11</sup> Selangor,<sup>12</sup> Perak,<sup>13</sup> Johor,<sup>14</sup> Pulau Pinang,<sup>15</sup> Melaka,<sup>16</sup> Sabah<sup>17</sup> dan Sarawak<sup>18</sup> untuk menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Manakala negeri-negeri yang lain tidak memperuntukkan seksyen tersebut. Namun dari segi praktikal, boleh dikatakan bahawa negeri-negeri yang tidak diperuntukkan enakmen berkenaan menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagaimana di Wilayah Persekutuan (Abdul Jamir

<sup>11</sup> Enakmen Undang-undang Pentadbiran Uagama Islam Perlis No. 3 Tahun 1964 Seksyen 52.

<sup>12</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 52.

<sup>13</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 41.

<sup>14</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003, Fasal 52.

<sup>15</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang), 2004, Seksyen 52.

<sup>16</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka), 2002, Seksyen 40.

<sup>17</sup> Enakmen Fatwa 2004, Seksyen 12.

<sup>18</sup> Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001, Seksyen 42.

Jaafar, 2015), Terengganu (Zulkifly Muda, 2016), Kelantan (Mohamad Shukri Mohamad, 2016) serta negeri-negeri yang lain (Aminuddin Mohamad, 2015).

Justeru, pengeluaran fatwa di peringkat ini amat wajar kerana ia akan menghimpunkan mufti daripada seluruh negeri, dibantu oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (UPPJKPTGP), Majlis Tanah Negara dan penyelidik-penyelidik yang kompeten serta mempunyai dana yang lebih besar berbanding di peringkat negeri. Justeru, sudah pasti perbincangan secara kolektif yang melibatkan semua ahli yang berbidangkuasa mengeluarkan fatwa rasmi akan menghasilkan satu keputusan dan dipersetujui oleh wakil-wakil daripada setiap negeri.

Selain itu, dicadangkan agar jawatankuasa fatwa negeri-negeri terlibat sama dalam mesyuarat di peringkat MJFK kerana mereka boleh mengetahui perbincangan daripada awal supaya apabila keputusan tersebut di bawa ke Negeri, ia cepat diterima dan diputuskan dalam mesyuarat. Apabila langkah ini diambil, ia akan merealisasikan keseragaman dalam keputusan fatwa di samping matlamat asal penubuhan MJFK sebagai penyelarass tercapai.

Meskipun usaha-usaha penyeragaman fatwa di pelbagai peringkat berjalan lancar, namun perlu juga mengambil langkah yang lebih drastik untuk mempercepatkan lagi penyelesaian masalah mengenai wasiat *wajibah* iaitu dengan menggubal statut wasiat *wajibah* di setiap negeri di mana setakat ini hanya tiga negeri sahaja yang menggubal undang-undang tersebut. Penggubalan mengenai undang-undang bertulis yang khusus mengenai *wasiat wajibah* adalah penting untuk memastikan berlaku keseragaman peruntukan mengenainya seperti menetapkan hak cucu yang kematian ibu bapa untuk menerima *wasiat wajibah* daripada harta pusaka datuknya.

Selain itu, ia boleh mempercepatkan urusan Mahkamah Syariah negeri masing-masing kerana rujukan terus boleh dibuat kepada enakmen-enakmen berkenaan tanpa perlu merujuk kepada fatwa daripada Jabatan Mufti Negeri. Kewujudan undang-undang bertulis di setiap negeri mengenai wasiat *wajibah* dapat memberi kesamaan idea mengenai pengurusan harta wasiat dan seterusnya memastikan keadilan layanan kepada semua waris yang terlibat. Pihak Kerajaan juga perlu memastikan langkah yang dilakukan lebih memberi maslahat kepada waris khususnya para cucu dengan memilih pandangan mazhab daripada suara majoriti dan terkuat (*rajih*).

Kerajaan Persekutuan juga boleh berperanan dalam menyelesaikan ketidaksamaan dalam undang-undang bertulis tentang *wasiat wajibah* antara negeri-negeri di mana menurut Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri termasuk undang-undang Islam khusus *wasiat wajibah* bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang antara dua buah negeri atau lebih. Undang-undang yang dibuat akan dikenakan kepada orang-orang Islam di sesuatu negeri dan apabila diterima dengan suatu undang-undang yang diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri. Kemudian, undang-undang tersebut hendaklah disifatkan sebagai undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan.

Justeru, kesemua inisiatif ini adalah merujuk kepada bidang kuasa dan kuasa kawalan yang dapat mengikat pihak-pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa supaya ia dapat diseragamkan. Apabila semua pihak dapat patuh kepada garis panduan ini, ruang untuk berbeza pandangan akan dapat diminimumkan dan hasilnya ialah keseragaman dalam fatwa.

## KESIMPULAN

Perbincangan menunjukkan fatwa berhubung wasiat *wajibah* sekalipun hampir bersamaan antara majoriti negara Islam di dunia, tetapi ia mempunyai beberapa perbezaan dalam pemakaian dan tafsirannya, khususnya yang melibatkan kebajikan waris. Keadaan ini sekiranya tidak diperbetulkan supaya konsisten dan seragam antara sebuah negara dengan negara yang lain, atau antara sebuah negeri dengan negeri yang lain boleh membawa kepada ketidakadilan kepada waris terdekat.

Berdasarkan konsep ijtihad kontempori yang diistinbat untuk kemaslahatan waris, maka penting untuk dilakukan penyeragaman dalam beberapa perkara yang mengalami

perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha ini. Penyeragaman fatwa akan memberi kesatuan pandangan dan pelaksanaan. Ini akan menjadikan pentadbiran hal ehwal mengenai wasiat dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama, serta memastikan kemaslahatan sumber ekonomi dan kebajikan umat Islam berjalan lancar. Justeru, Kerajaan perlu mengambil inisiatif mengambil *maslahah* dan menolak *mudarat* sama ada di pihak Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dalam memastikan tindakan dilakukan ke arah kebajikan waris dan penyeragaman pentadbiran.

Langkah pertama dalam tindakan ini ialah dengan menggubal undang-undang bertulis yang komprehensif bagi mengisi segala *lacuna* dalam perundangan wasiat yang boleh melahirkan *ijtihad* berbeza. Kewujudan satu peruntukan statut yang khusus dapat mengelak percambahan pemikiran dan fatwa antara negeri-negeri di negara ini dan seterusnya menghasilkan konsistensi dalam keputusan berkaitan pentadbiran wasiat sebagaimana peruntukan Enakmen wasiat yang digubal di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Enakmen-enakmen wasiat ini adalah merupakan model perundangan yang perlu dijadikan panduan kepada negeri-negeri yang masih belum mempunyai enakmen wasiat supaya pengurusan harta wasiat dapat ditadbir dengan lebih baik dan berkesan.

Hal ini juga bagi memudahkan pengurusan harta wasiat ditadbir oleh pihak-pihak yang diberi kuasa mentadbir harta-harta tersebut supaya sesuai dengan *maslahat* dan *maqasid shar'iyah* semasa. Dalam hal ini, rujukan sedia ada ke atas *qawl muktamad* dalam mazhab Shafie hendaklah juga dibina atas dasar *maslahat* dan *maqasid shar'iyah* supaya tumpuan yang sama dicapai oleh setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri yang bersidang.

## PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Geran Penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Phase 1/2014. No. 203/PHUMANITI/6711392.*

## RUJUKAN

- °Aid, °Arif Abu. 2006. *al-Wajiz fi al-Mirath*. Urdun: Dar al-Nafa'is.
- °Umar °Abdullah. t.th. *Ahkam al-Mawarith fi al-Shar'at al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar al-Ma'arif.
- Abdul Azis Dahlan. 1996. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abdul Aziz Mohammad Zaid. 1986. *The Islamic Law Of Baquest*. London: Scorpion Publishing.
- Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff. 1986. *Wasiat Dalam Islam Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Farraj dan Muhammad Kamal. 2001. *Nizam al-Irth wa al-Wasaya*. al-Mu'assasat al-Jami'iyah wa al-Nashr.
- Al-°Adawiyy, °Ali al-Sa°idiyy. t.th. *Hashiyat al-°Adawiyy °ala Sharh Abi al-Hasan*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-°Ayniyy, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad. 1990. *al-Binayah fi Sharh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-°Ajuz, Ahmad Muhy al-Din, 1986, *al-Mirath al-°Adil fi al-Islam Bayna al-Mawarith al-Qadimah wa al-Hadithah*, Beirut: Mu'assasat al-Risalah,
- Al-Ansariyy, Zakariyya. t.th. *Asna al-Matalib Sharh Rawd al-Talib*. Beirut: Dar al-Kitab al-Islamiyy.
- Al-Bajjiyy, Sulayman bin Khalaf bin Sa°ad. 1332H. *al-Muntaha Sharh al-Muwatta'*. Misr: Matba°at al-Sa°adah.
- Al-Barr, Ibn °Abd. 1348H. *al-Tamhid*. al-Maghrib: Wizarah °Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Bukhariyy, Muhammad Bin Isma°il Abu °Abdillah. 1422H. *Sahih al-Bukhariyy*. Jedah: Dar Tawq al-Najah.
- Sharaf Al-Din, °Abd al-°Azim. 1962. *Ahkam al-Mirath wa al-Wasiyyah fi al-Shar'ay al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Hadith.

- Al-Haytamiyy, Ibn Hajar. 2001. *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Jazairiyy, Abu Bakr Jabir. 1990. *Aysar al-Tafasir*. T.tp: tpt.
- Al-Khin, Muhammad Mu<sup>o</sup>az bin Mustafa. 2002. *Ijtihadat al-Sahabah*. al-Urdun: Dar al-A<sup>o</sup>lam.
- Al-Kurdiyy, Ahmad al-Hajji. 1998. *al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Damsyiq: Manshurat Jami<sup>o</sup>ah Damsyiq.
- Al-Malikiyy, Abu Bakr bin al-<sup>o</sup>Arabiyy. 2003. *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Mawardiyy, Abu al-Hasan <sup>o</sup>Aliyy bin Muhammad bin Habib. 1994. *al-Hawiyy al-Kabir Fi al-Fiqh al-Shaf<sup>o</sup>iiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Mufahsshiyy, Muhammad Bashir. 1996. *al-Jam<sup>o</sup> al-Hadith fi <sup>o</sup>Ilm al-Fara'id wa al-Mawarith*. Dimasyq: Dar al-<sup>o</sup>Ilm al-<sup>o</sup>Arabiyy.
- Al-Naysaburiyy, Abu Al-Husin Muslim bin Al-Hajjaj al-Qushayriyy. 2006. *Sahih Muslim*. al-Riyad: Dar al-Taybah.
- Al-Naysaburiyy, Muhammad bin <sup>o</sup>Abdillah Abu <sup>o</sup>Abdillah al-Hakim. 1990. *Mustadrak <sup>o</sup>Ala al-Sahihayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Nasa'iyy, Ahmad Bin Shu<sup>o</sup>ayb Abu <sup>o</sup>Abd al-Rahman. 1986. *Sunan al-Nasa'iyy*. Halab: Maktabat al-Matbu<sup>o</sup>at al-Islamiyyah. Tahqiq: <sup>o</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf. 1988. *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dar al-Sahwah.
- Al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad al-Ansariyy. 2006. *al-Jam<sup>o</sup> li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Raysunniyy, Qutb. 2014. *Sina<sup>o</sup>at al-Fatwa fi al-Qadaya al-Mu<sup>o</sup>asirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Rumiyy, Jamal al-Din. t.th. *al-<sup>o</sup>Inayah Sharh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sa<sup>o</sup>diyy, <sup>o</sup>Abd al-Rahman. 2002. *Taysir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyad: Dar al-Salam.
- Al-San<sup>o</sup>aniyy, Muhammad bin Ismail al-Amir. 2006. *Subul al-Salam*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Sarakhsiyy, Muhammad bin Ahmad. 1997. *Sharh Kitab al-Siyar al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Shawkaniyy, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. 1993. *Nayl al-Awtar*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Shaybaniyy, Abu <sup>o</sup>Abdillah Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal Bin Hilal Bin Asad. 2001. *Musnad Ahmad Bin Hanbal*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Tusuliyy, Abu al-Hasan. 1998. *al-Buhjah Fi Sharh al-Tuhfah*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Al-Zuhayliyy, Muhammad. 2001. *al-Fara'id Wa al-Mawarith Wa al-Wasaya*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Badran, Abu al-'Aynayn. 1985. *Al-Mawarith wa al-Wasiyyah wa al-Hibah fi al-Shar<sup>o</sup>ah al-Islamiyyah wa al-Qanun*. Iskandariyyah: Mu'assasah Syabab al-Jami<sup>o</sup>ah.
- Bik, Ahmad Ibrahim. 1999. *Intiqal Ma Kana Yamlikuhu al-Insan Hal Hayatihi ila Ghayrihi Ba<sup>o</sup>da Mawtihi*. al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turath.
- Dawud, Ahmad Muhammad 'Ali. 1977. *al-Huquq al-Muta<sup>o</sup>alliqaq bi al-Tarikah Bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Amman: Maktabah Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tawzi<sup>o</sup>.
- Dawud, Ahmad Muhammad 'Ali. 1977. *al-Huquq al-Muta<sup>o</sup>alliqaq bi al-Tarikah Bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Amman: Maktabah Dar al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzi<sup>o</sup>.
- Destri Budi Nugraheni, Haniah Ilhami, Yulkarnain Harahab. 2010. Pengaturan dan Implementasi Wasiat Wajibah di Indonesia. Mimbar Hukum. Siri 22, No. 2. Jun 2010.
- Hamdiyy, Kamal. 1987. *Al-Mawarith wa al-Hibah wa al-Wasiyyah*. Iskandariyyah: Dar al-Matbu<sup>o</sup>at al-Jami<sup>o</sup>iyah.
- Ibn <sup>o</sup>Ashur, Muhammad al-Tahir. 2009. *Maqasid al-Shar<sup>o</sup>at al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn al-Humam, Muhammad bin <sup>o</sup>Abd al-Wahid. 2003. *Sharh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.

- Ibn Hazm, Abu Muhammad °Ali bin Ahmad bin Sa°id. t.th. *al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, °Abdullah bin Ahmad. 1405H. *al-Mughniyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Abu al-°Abbas Ahmad bin °Abd al-Halim. 2005. *Majmu° al-Fatawa*. T.tp: Dar al-Wafa'.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. 2014. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2007. *Mazhab Syafi'i Di Malaysia: Sejarah, Realiti Dan Prospek Masa Depan*. Jurnal Fiqh: No. 4.
- Manual Pengurusan Wasiat Islam*. 2010. Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri. Selangor: Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Abu Zahrah, t.th, *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. Kaherah: Dar al-Fikr al-°Arabiyy.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2012. *Wasiat & Wisayah Dalam Perancangan Harta: Prinsip Dan Amalan*. Johor: Penerbit UTM PRESS.
- Qublan, Hisham. 1985. *al-Wasiyyat al-Wajibah fi al-Islam*. Beirut: Manshurat al-Bahr al-Mutawassit.
- Zaghlul, Amin. 2005. *Ahkam al-Mirath wa al-Wasiyyah fi al-Shar°at al-Islamiyyah*. Urdun: Dar al-Nafa°is.

## **Temubual**

- Abdul Jamil Jaafar. Pegawai Istinbat Wilayah Persekutuan. Temubual pada 1/11/2015. Jam 9.30 Pagi, di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri Tingkat 10, Menara Pusat Islam Jalan Perdana 50676 Kuala Lumpur.
- Aminuddin Mohamad. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM. Temubual pada 16/12/2015. Jam 10 Pagi, di Blok D7 & D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, W.P Putrajaya, Malaysia.
- Irwan Mohd Subri (Prof. Madya Dr.). Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Temubual pada 16/12/15, Jam 12 Tengah Hari, di Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Kamaruddin Adam. Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Dan Ketua Pegawai Fatwa. Temubual pada 23/12/2015. Jam 11.00 Pagi, di Jabatan Mufti Negeri Perak Tingkat 5, Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.
- Mat Jais Kamos. Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Temubual pada 21/12/2015, Jam 10.00 Pagi, di Jabatan Mufti Selangor, Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Mohamad Shukri Mohamad (S. S. Dato' Mufti Negeri Kelantan). Temubual pada 10/2/2016. Jam 10.00 Pagi, di Kompleks Islam, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
- Mohd Haniff Omar. Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa Pulau Pinang. Temubual pada 30/12/2015, Jam 9.30 Pagi, di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Tingkat 48, Komtar, 10000 Pulau Pinang.
- Wan Salim Wan Mohd (Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Mufti Pulau Pinang). Temubual pada 30/12/2015. Jam 9.30 Pagi, di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Tingkat 48, Komtar, 10000 Pulau Pinang.
- Zulkifli Mohamad (Datuk Dr. Mufti Wilayah Persekutuan). Temubual pada 1/11/2015. Jam 9.30 Pagi, di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri Tingkat 10, Menara Pusat Islam Jalan Perdana 50676 Kuala Lumpur.
- Zulkifly Muda (Dato' Dr. Mufti Negeri Terengganu). Temubual pada 24/2/2016. Jam 10.00 Pagi, di Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

### **Laman Sesawang**

- Fatwa Kebangsaan Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah> (Diakses pada 26 September 2015).
- Fatwa Majlis Kebangsaan. <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia> (Diakses pada 19 September 2015).
- Fatwa Negeri Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah> (Diakses pada 26 September 2015).
- Fatwa. [http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=423:wasiat-wajibah&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92](http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=423:wasiat-wajibah&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92), fatwa dikeluarkan pada 31/3/2014, (Diakses pada 1 April 2015).
- Kajian Semula Mengenai Fatwa Wasiat Wajibah. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kajian-semula-mengenai-fatwa-wasiat-wajibah> (Diakses pada 26 September 2015).
- Wasiat Wajibah. <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=505#.VxxjSdR96M8> (Diakses pada 19 September 2015).
- Wasiat Wajibah. <http://qaradawi.net/new/all-fatawa/4424-2011-12-12-09-37-46> (diakses pada 22 September 2015).
- Wasiat Wajibah. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/wasiat-wajibah> (Diakses pada 26 September 2015).
- Wasiat Wajibah. <http://www.libya-al-mostakbal.org/news/clicked/86330> (Diakses pada 19 September 2015).
- Wasiat. <http://www.alifita.net/Search/ResultDetails.aspx?languagename=ar&lang=ar&view=result&fatwaNum=&FatwaNumID=&ID=6256&searchScope=3&SearchScopeLevels1=&SearchScopeLevels2=&highLight=1&SearchType=exact&SearchMoesar=false&bookID=&LeftVal=0&RightVal=0&simple=&SearchCriteria=allwords&PagePath=&siteSection=1&searchkeyword=216167217132217136216181217138216169032216167217132217136216167216172216168216169#firstKeyWordFound> (diakses pada 22 September 2015).
- Wasiat. <http://www.daralifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=291&text=%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B5%D9%8A%D8%A9%20%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D8%AC%D8%A8%D8%A9&Moftilds=> (Diakses pada 22 September 2015).